



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
TAHUN 2021**

Kementerian Kesihatan Malaysia bertekad untuk terus konsisten dan komited dalam usaha memerangi penyakit demam denggi di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, KKM amat mengharapkan penglibatan menyeluruh daripada setiap lapisan masyarakat bersama-sama Kementerian, Jabatan, Agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta sokongan pasukan sukarelawan dalam usaha untuk mengurangkan beban penyakit demam denggi di negara kita.

Pada tahun 2021 Malaysia mencatatkan kes demam denggi paling rendah pernah dilaporkan sejak lapan (8) tahun yang lepas iaitu sejak tahun 2013. Jumlah kes Demam Denggi pada tahun 2021 adalah sebanyak 26,365 kes berbanding 90,304 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 70.8% (63,939 kes). Jumlah kematian yang dilaporkan akibat demam denggi adalah sebanyak 20 kematian berbanding 145 kematian pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 125 kematian (86.2%) (**Lampiran A , B & C**).

Jumlah lokaliti wabak bagi keseluruhan tahun 2021 juga berkurang berbanding tahun sebelumnya dimana pada tahun 2021, sebanyak 7,111 lokaliti wabak denggi telah dilaporkan dengan sebanyak 450 lokaliti adalah hotspot denggi, berbanding 34,465 lokaliti wabak denggi pada tahun 2020 dengan sebanyak 4,656 lokaliti adalah hotspot denggi.

Bagi keseluruhan tahun 2021, analisa mendapati sebanyak 44.9% pesakit demam denggi adalah dari kalangan dewasa berumur di antara 30-59 tahun dan 58% adalah lelaki iaitu golongan umur yang produktif bekerja. Justeru itu, langkah pencegahan perlu sentiasa diaplikasikan sewaktu berada di luar rumah seperti penggunaan repelan atau pakaian yang menutup anggota tubuh sebagai perlindungan tambahan dari gigitan nyamuk Aedes.

Pada keseluruhan tahun 2021, sebanyak 1,420 jangkitan Chikungunya telah dilaporkan iaitu penurunan jumlah kes berbanding tahun 2020 yang merekodkan sebanyak 2,601 kes (**Lampiran D**). Manakala bagi surveyan penyakit Zika, sebanyak 1,613 sampel darah dan 30 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Pada tahun 2021, pandemik COVID-19 yang melanda negara memberikan cabaran yang tersendiri dalam usaha pencegahan dan kawalan denggi seperti aktiviti kawalan denggi yang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Justeru itu, pada tahun 2022, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi berkaitan perlu merancang pelan pemulihan (*normalization*) bagi mengurangkan pengabaian (*neglect*) terhadap program pencegahan dan kawalan denggi yang mungkin berlaku akibat pandemik COVID-19 disamping memulihkan semula tumpuan anggota (*re-focus for essential duty*) dalam usaha mengawal denggi.

KKM juga ingin menyeru setiap lapisan masyarakat untuk meneruskan amalan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes secara kendiri di premis masing-masing 10 minit setiap minggu sebagai satu norma baharu bagi memutuskan rantaian penularan jangkitan demam denggi. KKM juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Kementerian, Jabatan, Agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pihak


swasta, sukarelawan COMBI serta seluruh masyarakat Malaysia di atas usaha berterusan dan tidak mengenal penat dalam meneruskan aktiviti pencegahan dan kawalan bagi mengekang peningkatan kes demam denggi di Malaysia pada tahun 2021.

Sempena Tahun Baru 2022 ini, marilah kita terus menumpukan usaha menggempur Aedes bagi mengurangkan beban jangkitan demam denggi di negara kita. Marilah kita menjadi individu, keluarga, komuniti dan negara yang sihat dan bebas dari ancaman bahaya demam denggi. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
/6 Januari 2022

Lampiran A



Gambarajah 1: Pencapaian Kes dan Kematian Demam Denggi Tahun 2021 dan Tahun 2020

Lampiran B



Gambarajah 2: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020

Lampiran C

KUMULATIF KES DENGGI DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2021 dan 2020

Bil.	Negeri	Kumulatif Kes Denggi Tahun 2021		Kumulatif Kes Denggi Tahun 2020	
		Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	21	0	80	0
2	Kedah	644	1	780	0
3	P. Pinang	406	0	1,043	2
4	Perak	557	1	2,665	3
5	Selangor	15,741	2	44,635	37
6	WP KL & Putrajaya	3,067	2	10,631	7
7	N. Sembilan	649	1	2,891	10
8	Melaka	611	0	2,843	9
9	Johor	1,775	5	11,622	43
10	Pahang	428	3	3,220	8
11	Terengganu	49	0	404	0
12	Kelantan	223	0	3,889	7
13	Sarawak	426	0	1,516	2
14	Sabah	1,763	5	4,078	17
15	WP Labuan	5	0	7	0
	MALAYSIA	26,365	20	90,304	145

Lampiran D

KUMULATIF KES CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2021 dan 2020

Bil.	Negeri	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2020
1	Perlis	3	1
2	Kedah	140	91
3	P. Pinang	77	1,175
4	Perak	180	1,064
5	Selangor	339	17
6	WP KL & Putrajaya	490	6
7	N. Sembilan	22	0
8	Melaka	29	50
9	Johor	97	33
10	Pahang	0	2
11	Terengganu	0	0
12	Kelantan	55	161
13	Sarawak	0	0
14	Sabah	0	1
15	WP Labuan	0	0
	MALAYSIA	1,432	2,601

